



# Bahasa tiang ketamadunan bangsa

BH  
21/7/17  
MIS-11

Dalam satu adegan filem arahan dan lakonan P Ramlee, iaitu *Seniman Bujang Lapuk*, Ramli meminta Sudin menanyakan soalan kepada Mr Singh, seorang jaga di Studio Jalan Ampas.

Namun, bahasa yang digunakan oleh Sudin itu tidak menyenangkan sesiapa pun yang mendedar, lantas Mr Singh 'membahasakan' Sudin dengan berkata: "Nama saja orang Melayu, adab pun tak tahu. Orang nak cakap panggil hoi, hoi, hoi. Saya ni apa, batu kah, kayu kah?"

Lantas Ramli menasihati rakannya, Sudin (dan pastinya kita semua) dengan ungkapan: "Iyalah Sudin, engkau itu mana ada bahasa. Panggil orang hoi, hoi. Bahasa menunjukkan bangsa tahu."

Sememangnya bahasa adalah perantara perhubungan dalam

cul dan bahasa Melayu mula berasimilasi dengan bahasa pertuturan lain sehingga berkembang menjadi satu bahasa yang kaya dengan istilah dan perbendaharaan kata.

Budaya Melayu pada dasarnya kaya dengan penggunaan bahasa yang diperlambangkan dengan peribahasa, bidalan, simpulan bahasa, pantun, seloka, gurindam, teromba, syair dan sebagainya.

Ungkapan ini digarap halus dengan butir kata yang menawan, dan selalunya dikaitkan dengan kejadian alam sekeliling seperti keindahan flora dan fauna yang ada di sekeliling masyarakat Melayu itu sendiri.

Dalam kajian mengenai bahasa sesuatu bangsa melalui pendekatan seperti komunikasi etnografi dan antropologi linguistik, pengkaji bahasa bersetuju bahawa makna di sebalik bahasa itu sebenarnya berkait rapat dengan si-

dapat difahami tanpa mengguris, menyakiti hati atau menjatuhkan air muka penutur dan pendengarnya.

Penggunaan bahasa dalam masyarakat Melayu dengan itu terus dijaga rapi kerana ini melambangkan budi pekerti serta personaliti penutur.

## Proses sosialisasi

Kesantunan bahasa dalam kalangan masyarakat Melayu ini amat dipandang tinggi dan diperturunkan sebagai amalan hidup daripada generasi ke generasi menerusi proses sosialisasi.

Sehingga kini masyarakat memandang tinggi mereka yang mengamalkan kesantunan bahasa dalam setiap bait dan tutur kata dalam interaksi seharian.

Kerajaan memandang serius akan usaha memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan penjawat awam. Pelbagai usaha su-

lam kalangan penjawat awam.

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) menganjurkan program pemantapan penguasaan bahasa Melayu seperti Kursus Pembinaan Munsyi Muda Bahasa dan Kursus Pemantapan Munsyi Muda Bahasa kepada penjawat awam.

Bahasa sebagai sebuah medium komunikasi yang signifikan dalam pembentukan budaya dan peradaban masyarakat.

Sejarah membuktikan bahawa bahasa Melayu memainkan peranan yang cukup istimewa dalam mengajar penuturnya untuk mengejar kemajuan dunia tanpa mengabaikan kesantunan dan adab dalam percakapan dan amalan seharian.

Bahasa yang mempunyai 'roh' kesantunan dan budi perlu diserlahkan sebagai satu gaya hidup mutakhir di dalam era dunia tanpa sempadan ini.

## Komentari



**Muhammad Zulhusni  
Munir**

**Perunding Latihan**

Institut Tadbiran Awam Negara  
(INTAN)

lingkungan satu kelompok manusia yang menjadikan pertuturan itu bermakna.

Keunikan bahasa kerana ia menjadi sebahagian budaya dan cerminan kepada peribadi dan perwatakan penggunanya.

Justeru, frasa 'Bahasa Jiwa Bangsa' bermaksud bahasa itu sebagai wacana penyalur pemikiran dan keperibadian kelompok manusia.

### **Bahasa pengantar rantau Asia**

Suatu ketika dahulu, bahasa Melayu pernah berdirinya megah di pelantar alam. Bahasa Melayu mula berkembang menjadi 'lingua franca' atau bahasa pengantar di rantau Asia pada kurun ke-15 selepas Empayar Kerajaan Melayu Melaka menjadi pusat perdagangan, pertemuan dan penyebaran ilmu yang masyhur ke seluruh dunia.

Sifat semula jadi bahasa Melayu itu sendiri yang mudah dipelajari dan difahami, membuatnya menjadi bahasa terpenting seperti bahasa Inggeris pada ketika ini.

Tidak menghairankan jika bangsa lain seperti Cina, India, Arab, Portugis, Inggeris, Belanda, Itali, Perancis dan Sepanyol mula mempelajari bahasa ini untuk tujuan perluasan perdagangan, hubungan diplomatik, memahami perundangan, mendekati pentadbiran tempatan dan sebagainya.

Kesejagatan bahasa Melayu pada ketika itu dibuktikan dengan wujudnya Kamus Melayu-Itali pertama yang ditulis oleh seorang pelayar Itali bernama Antonio Pigafetta, yang belayar bersama-sama Ferdinand Magellan mengelilingi dunia pada 1519.

Daftar kata baharu terbitan daripada bahasa asing sudah mun-

kap, adab dan budaya masyarakat.

Kepentingan bahasa dalam masyarakat Melayu menunjukkan bahawa bahasa selalunya mempunyai makna kedua atau tersirat, iaitu budi bahasa dan sopan santun.

Masyarakat Melayu juga sangat mementingkan adab ketika berbahasa. Adab merujuk kepada garis panduan tatacara berbahasa dalam sesuatu perbualan, sesuai dengan norma kehidupan masyarakat itu sendiri dan maksud yang ingin disampaikan supaya

dah, sedang dan akan terus dilestarikan dalam menyubur dan memantapkan penguasaan bahasa Melayu dalam aplikasi seharian.

Dalam hal ini, Jabatan Perkhidmatan Awam menganjurkan pelbagai wacana seperti Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Perkhidmatan Awam, Pertandingan Gegar Pidato Bahasa Kebangsaan, Pertandingan Menulis Puisi, Pertandingan Nyanyian Lagu Melayu Patriotik dan Majlis Genta Bahasa, dalam usaha memupuk semangat cintakan bahasa kebangsaan da-


### **Jiwa kepada masyarakat**

Pada era globalisasi, bahasa yang bernuansakan nilai murni dapat menjadi wahana penyampaian nasihat dan pedoman seharian.

Meskipun zaman berubah, bahasa akan tetap kekal dengan tanggungjawabnya sebagai penyampai idea, penyalur nilai budaya dan lakuna peradaban masyarakat.

Bahasa akan terus menjadi identiti dan tiang kepada ketamadunan bangsa. Kerana itu bahasa diperlambangkan sebagai jiwa kepada masyarakat.

[FOTO AZIAH AZMEE/BH]



**Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyertai Program Jom Bacathon 12 jam** sempena Bulan Bahasa Kebangsaan anjuran Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi dengan kerjasama Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu di UKM, Bangi.